

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/342314694>

Himpunan Doa Selepas Solat Warid daripada al-Quran dan Sunah. Siri 6. Siri Buku Amalan Harian

Book · August 2020

CITATION

1

READS

35,652

1 author:



Kamarul Azmi Jasmi

Universiti Teknologi Malaysia

614 PUBLICATIONS 4,269 CITATIONS

SEE PROFILE


Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Paradigma al-Imam Al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad Al-Solihin [View project](#)



Remaja Hebat [View project](#)



Siri Buku Amalan Harian

SIRI 6

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH

Kamarul Azmi Jasmi



SIRI BUKU AMALAN HARIAN

SIRI 6

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT WARID DARIPADA AL-QURAN DAN HADIS

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2020
©kamarul azmi jasmi 2020

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-daiam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi, 1973-

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT : Warid daripada al-Quran dan Hadis / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU AMALAN HARIAN ; SIRI 6)

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2401-20-9

1. Islam-Prayers and devotions.

2. Prayer-Islam.

3. Government publications-Malaysia.

4. Electronic books.

I. Judul. II. Siri.

297.3824

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

kamarul azmi jasmi

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

universiti teknologi malaysia,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata

vii

1 Himpunan Amalan Doa Selepas Solat	1
Pengenalan	1
Himpunan Doa Selepas Solat Pertama	2
HDSS 1.1 Doa pembuka	2
HDSS 1.2 Doa Keampunan	3
HDSS 1.3 Doa mohon pertunjuk, takwa, <i>afaf</i> , dan <i>qana'ah</i>	3
HDSS 1.4 Doa dianugerahkan dengan isteri dan anak yang soleh	3
HDSS 1.5 Doa digolongkan sebagai orang yang menjaga solat	3
HDSS 1.6 Doa dikekalkan dalam pertunjuk dan rahmat	4
HDSS 1.7 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat	4
HDSS 1.8 Doa penutup	4
Himpunan Doa Selepas Solat kedua	5
HDSS 2.1 Doa pembuka	5
HDSS 2.2 Doa Keampunan	5
HDSS 2.3 Doa Keampunan, rahmat, hidayah, kesihatan, dan rezeki	6
HDSS 2.4 Doa diri dan zuriat kekal sebagai Muslim	6
HDSS 2.5 Doa diberikan ilham, kebijaksanaan, dan terjauh daripada kejahatan diri	6
HDSS 2.6 Doa terjauh daripada sifat keji	6
HDSS 2.7 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat	7
HDSS 2.8 Doa penutup	7
Himpunan Doa Selepas Solat ketiga	7
HDSS 3.1 Doa pembuka	8

HDSS 3.2 Doa rahmat, keampunan, keselamatan, kaya dengan kebaikan, kejayaan mendapat syurga, dan terjauh daripada neraka	8
HDSS 3.3 Doa diberikan ilmu dan kefahaman	8
HDSS 3.4 Doa keampunan dan rahmat buat ibu bapa	8
HDSS 3.5 Doa terjauh daripada ilmu dan perkara keji	9
HDSS 3.6 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat	9
HDSS 3.7 Doa penutup	9
Himpunan Doa Selepas Solat Keempat	10
HDSS 4.1 Doa pembukaan	10
HDSS 4.2 Doa memohon permintaan dan kejauhan seperti diminta oleh Nabi Muhammad SAW	10
HDSS 4.3 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat	11
HDSS 4.4 Doa penutup	11
Himpunan Doa Selepas Solat Kelima	11
HDSS 5.1 Doa pembukaan	11
HDSS 5.2 Doa asas kesejahteraan dunia dan akhirat	12
HDSS 5.3 Doa keampunan	12
HDSS 5.4 Doa keampunan diri, ibu bapa, dan umat Islam	13
HDSS 5.5 Doa ditetapkan hati dalam iman dan amal	13
HDSS 5.6 Doa untuk pembaikan agama diri dunia dan akhirat	13
HDSS 5.7 Doa keamanan untuk kemakmuran negara	14
HDSS 5.8 Doa dijauhi daripada musuh dan penzalim	14
HDSS 5.9 Doa diuji dengan sesuatu yang mampu dipikul	14
HDSS 5.10 Doa memohon permintaan dan kejauhan seperti diminta oleh Nabi Muhammad SAW	14
HDSS 5.11 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat	15
HDSS 5.12 Doa penutup	15
Rumusan	15

2 Adab Berdoa	16
Pengenalan	16
Berdoa Selepas Melakukan Ibadah	16
Membaca <i>Ism Allah al-'Azam</i> sebelum Doa	19
Pujian dan Selawat Sebelum dan Selepas Berdoa	21
Menyulam Doa dengan Penggunaan Nama Allah SWT	23
Berdoa Terhadap Sesuatu yang Baik	26
Sangka Baik Doa Sentiasa Dikabulkan dan Tidak Jemu	27
Rumusan	29
3 Hujah Doa Warid daripada al-Quran dan sunah	30
Pengenalan	30
Sumber Doa daripada al-Quran	31
Sumber Doa daripada Hadis	37
Rumusan	44
Rujukan	45
Indeks	47
Biodata Penulis	51

PRAKATA



Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian tentang amalan Islam harian yang berkaitan dengan kehebatan doa dalam Islam.

Tulisan ini akan menfokuskan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan lima himpunan doa selepas solat yang digarap daripada al-Quran dan sunnah. Selain itu, terdapat juga perbincangan adab berdoa dan hujah himpunan doa daripada sumber al-Quran dan hadis.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala segala penggunaan hadis dalam perbincangan tentang buku ini akan ditakhrijkan terlebih dahulu hadis sebagaimana kaedah yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) dan pengkaji hanya akan memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Harapan penulis dengan tulisan ini dimanfaatkan oleh umat Islam dalam memperkukuhkan amalan kerohanian setiap individu Muslim agar mereka sentiasa dalam kerahmatan dan perlindungan Allah SWT.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia

2020

1

HIMPUNAN AMALAN DOA SELEPAS SOLAT

PENGENALAN

Himpunan doa selepas solat (HDSS) yang ingin dipersembahkan dalam bab ini ialah penyenaraian lima HDSS yang digarap daripada ayat al-Quran dan hadis yang akan dibincangkan kemudian dalam bab yang ketiga. HDSS ini cuba menyenaraikan lima senarai doa yang sederhana, pendek, dan panjang, tetapi seimbang maknanya untuk setiap individu Muslim boleh menghafaz dan berdoa dengan makna selepas melaksanakan solat.

Penulis juga menggunakan lafaz jamak berbanding mufrad sama ada doa daripada sumber al-Quran dan hadis yang diambil. Hal ini kerana dalam berdoa, ayat al-Quran atau hadis yang sudah diubah daripada lafaz mufrad kepada jamak atau sebaliknya sudah tidak dianggap sebagai ayat al-Quran atau hadis yang asal, tetapi menjadi satu doa yang diamalkan ketika berdoa. Cara ini yang disuruh oleh Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut (Al-Tirmidhi, 1998: 357):

عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ: لَا يَوْمٌ قَوْمًا فَيُخْصَّ نَفْسُهُ
بِدَعْوَةٍ دُونَهُمْ، فَإِنْ فَعَلَ فَقَدْ خَانَهُمْ.

Maksud: *Jangan seseorang mengimami suatu kumpulan, lalu mengkhususkan doa untuk dirinya sahaja, tanpa mereka. Jika dia melakukan begitu, dia mengkhianati mereka.*

(Al-Tirmidhi)

Berdasarkan hadis ini menunjukkan bahawa tidak menggunakan perkataan jamak ketika berdoa bersama orang ramai adalah satu pengkhianatan kepada orang ramai. Oleh kerana itulah, para ulama *al-Balaghah* dalam tajuk *al-Iqtibas* membenarkan pengubahsuaian matan doa al-Quran dan hadis daripada mufrad kepada jamak atau sebaliknya. Ketika sudah diubah, maka matan ini hanya menjadi doa dan bukan lagi sebagai matan al-Quran dan hadis ('Abd al-Rahman, 1949).

Penggunaan perkataan jamak dalam himpunan doa yang dibentangkan kerana dalam banyak keadaan seseorang individu yang berdoa juga ingin mewakili doa untuk dirinya dan orang yang dekat dengannya seperti isteri dan anak-anak. Oleh itu, perkataan jamak ketika berdoa adalah paling sesuai digunakan untuk semua orang sama ada ketika berdoa secara individu atau ketika bersama orang ramai. Selain itu, garapan doa yang dibentangkan ini akan memenuhi syarat doa supaya doa yang dipinta tidak terdapat cacat dan cela dari sudut adabnya.

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT PERTAMA

Himpunan doa selepas solat pertama (HDSS 1) ini adalah doa yang paling ideal dalam Islam. Doa ini diestrak daripada sumber hadis dan al-Quran. Himpunan DSS1 ini ditunjukkan Anjuran doa yang lengkap berdasarkan al-Quran dan hadis adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam HDSS 1.1-HDSS 1.8

HDSS 1.1 Doa pembuka

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ
كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ.

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Pujian yang melengkapi segala nikmat dan yang menyempurnakan kelebihan.*

Wahai Tuhanku! Bagi Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan Zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu. Ya Allah Ya Tuhan! Berilah selawat dan salam kepada penghulu kami Nabi Muhammad dan juga kepada ahli keluarganya, dan sahabatnya.

HDSS 1.2 Doa Keampunan

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِوَلَدِنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِبَاغًا، وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

Maksud: *Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil. Demikian juga bagi seluruh umat Muslim dan Mukmin dalam kalangan lelaki dan wanita sama ada yang masih hidup atau yang meninggal dunia.*

HDSS 1.3 Doa mohon pertunjuk, takwa, *afaf*, dan *qana'ah*

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالْثَّقَى وَالْعِفَافَ وَالْغِنَى.

Maksud: *Ya Allah ya Tuhanku! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, terhindar dari perbuatan yang tidak baik, dan kecukupan (tidak minta-minta).*

HDSS 1.4 Doa dianugerahkan dengan isteri dan anak yang soleh

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

Maksud: *Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang yang bertakwa.*

HDSS 1.5 Doa digolongkan sebagai orang yang menjaga solat

رَبَّنَا اجْعَلْنَا مُقِيمِي الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ.

Maksud: *Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.*

HDSS 1.6 Doa dikekalkan dalam pertunjuk dan rahmat

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya.*

HDSS 1.7 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

HDSS 1.8 Doa penutup

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksud: *Allah SWT menselawati dan mensejahterakan ke atas penghulu kami Muhammad dan ahli keluarganya, para sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan bagi sekalian alam.*

Lapan potongan HDSS 1 ini (HDSS 1.1-HDSS1.8) digunakan dalam himpunan doa ini yang melengkap 12 kategori doa, iaitu pujian dan selawat; keampunan untuk diri, ibu bapa dan umat Islam yang hidup atau mati; rahmat untuk ibu bapa dan umat Islam; pertunjuk atau hidayah atau tetap dalam hidayah; takwa; terpelihara daripada dosa; kaya jiwa dan harta; anak dan isteri penyejuk mata; diri, isteri, dan anak ikutan orang takwa; diri dan zuriat menjaga solat; dikabulkan doa; mendapat segala

kebaikan dunia dan akhirat; dan terpelihara daripada azab api neraka. Justeru, himpunan doa ini dianggap lengkap untuk dijadikan doa dalam kehidupan.

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT KEDUA

Himpunan doa selepas solat ke-2 (HDSS 2) akan cuba menfokuskan kepada bacaan doa buat anak yang masih lagi dalam proses didikan akhlak. Di sini akan dibentangkan himpunan doa ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam HDSS 2.1-HDSS 2.8.

HDSS 2.1 Doa pembuka

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ
كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ.

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekamu alam. Pujian yang melengkap segala nikmat dan yang menyempurnakan kelebihan. Wahai Tuhanku, bagi Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan Zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu. Ya Allah Ya Tuhan! Berilah selawat dan salam kepada penghulu kami Nabi Muhammad, ahli keluarga, dan sahabatnya.*

HDSS 2.2 Doa Keampunan

رَبِّ اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدَيْنَا وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتُنَا مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَلَا
تَرِدْ الظَّالِمِينَ إِلَّا تَبَارًا.

Maksud: *Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagi kami, dan bagi kedua ibu bapa kami, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumah kami dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang yang beriman, lelaki dan perempuan; dan janganlah Engkau tambahi orang yang zalim melainkan kebinasaan!*

HDSS 2.3 Doa Keampunan, rahmat, hidayah, kesihatan, dan rezeki

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا، وَارْحَمْنَا، وَاهْدِنَا، وَعَافِنَا وَارْزُقْنَا.

Maksud: *Ya Allah! Ampunilah kami, rahmatilah kami, berilah hidayah kepada kami, berilah kami afiat, dan rezekikan kami.*

HDSS 2.4 Doa diri dan zuriat kekal sebagai Muslim

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا ۖ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami orang Islam (yang berserah diri) kepada-Mu, dan jadikanlah daripada keturunan kami umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.*

HDSS 2.5 Doa diberikan ilham, kebijaksanaan, dan terjauh daripada kejahatan diri

اللَّهُمَّ أَلْهِمْنَا رُشْدَنَا، وَأَعِزَّنَا مِنْ شَرِّ أَنْفُسِنَا.

Maksud: *Ya Allah! Ilhamkan kepada kami kebijaksanaan, dan lindungilah kami dari kejahatan diri kami.*

HDSS 2.6 Doa terjauh daripada sifat keji

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ، وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ، وَالْهَرَمِ، وَالْبُخْلِ، وَضَلَعِ الدِّينِ، وَغَلَبَةِ الرِّجَالِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ.

Maksud: *Ya Allah, kami berindung kepada-Mu dari kelemahan, kemalasan, rasa takut, nyanyuk, dan kedekut. terlilit hutang serta dikuasai musuh. Dan kami juga berindung kepada-Mu dari siksa kubur serta bencana kehidupan dan kematian.*

HDSS 2.7 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

HDSS 2.8 Doa penutup

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksud: *Allah SWT menselawati dan mensejahterakan ke atas penghulu kami Muhammad dan ahli keluarganya, para sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan bagi sekalian alam.*

Lapan potong doa digunakan dalam HDSS 2 (HDSS 2.1-HDSS 2.8) adalah doa yang terkandung 16 kategori permohonan doa, iaitu pujian dan selawat; keampunan untuk diri, ibu bapa dan orang Islam yang masuk rumah; kebinasaan untuk orang kafir; pertunjuk atau hidayah atau tetap dalam hidayah; rahmat; afiat; kemurahan rezeki; diri dan zuriat Muslim yang menyerah diri; diri dan zuriat diperbetulkan ibadah; terima taubat; diberikan kebijaksanaan; terjauh keburukan diri, lemah, malas, rasa takut, nyanyuk, kedekut, hutang keliling pinggang, dan dikuasai musuh; terjauh daripada azab kubur; terjauh daripada fitnah hidup dan mati; segala kebaikan dunia dan akhirat; dan terpelihara daripada azab neraka.

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT KETIGA

Himpunan doa selepas solat ke-3 (HDSS 3) menfokuskan kepada pelajar yang sibuk belajar. Oleh itu, potongan doa yang dipilih adalah pendek, tetapi cukup bermakna sebagai seorang pelajar. Doa ini sebagaimana

yang ditunjukkan dalam HDSS 3.1-HDSS 3.7 akan digunakan dalam himpunan doa ini.

HDSS 3.1 Doa pembuka

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas nabi dan Rasul yang termulia, juga ke atas ahli keluarganya dan para sahabatnya sekalian.*

HDSS 3.2 Doa rahmat, keampunan, keselamatan, kaya dengan kebaikan, kejayaan mendapat syurga, dan terjauh daripada neraka

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ،
وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ، وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ، وَالتَّجَاةَ مِنَ النَّارِ.

Maksud: *Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu sesuatu yang mewajibkan datangnya rahmat-Mu dan hal yang menguatkan datangnya ampunan-Mu, bersih dari segala dosa mendapatkan semua kebaikan, kejayaan dengan mendapat syurga dan terhindar daripada api neraka.*

HDSS 3.3 Doa keampunan dan rahmat buat ibu bapa

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدَيْنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِبَاغًا.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Ampunilah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami dan cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayang dan mendidik kami semasa kecil.*

HDSS 3.3 Doa diberikan ilmu dan kefahaman

رَبَّنَا زِدْنَا عِلْمًا وَارْزُقْنَا فَهْمًا.

Maksud: *Tuhan kami! Tambahkan kami pengetahuan dan rezekikan kepada kefahaman.*

HDSS 3.5 Doa terjauh daripada ilmu dan perkara keji

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَتَّعِبُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا.

Maksud: *Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari ilmu yang tidak berguna, hati yang tidak khusyuk, diri yang tidak pernah puas, dan doa yang tidak terkabulkan.*

HDSS 3.6 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

HDSS 3.7 Doa penutup

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksud: *Allah SWT menselawati dan mensejahterakan ke atas penghulu kami Muhammad dan ahli keluarganya, para sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan bagi sekalian alam.*

HDSS 3.1-HDSS 3.7 merupakan 17 kategori doa, iaitu pujian dan selawat; keampunan yang kuat; rahmat yang pasti; terselamat daripada segala dosa; mendapat semua kebaikan; kejayaan di syurga; terlepas

daripada api neraka; ditambah ilmu dan kefahaman; keampunan dan rahmat buat ibu bapa; terjauh daripada ilmu tidak bermanfaat; terjauh daripada hati tidak khusyuk; menahan nafsu yang tidak puas; doa yang tidak dikabul; dan mendapat kebaikan dunia dan akhirat.

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT KEEMPAT

Himpunan Doa Selepas Solat 4 (HDSS 4) pada kali ini akan menfokuskan kepada empat potong doa, iaitu dua daripadanya, iaitu HDSS 4.1 sebagai pembuka doa, HDSS 4.2 sebagai penutup doa, serta dua potong doa menyeluruh, iaitu HDSS 4.3 dan HDSS 4.4.

HDSS 4.1 Doa pembukaan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekamu alam. Selawat dan salam ke atas nabi dan Rasul yang termulia, juga ke atas ahli keluarganya dan para sahabatnya sekalian.*

HDSS 4.2 Doa memohon permintaan dan kejauhan seperti diminta oleh Nabi Muhammad SAW

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ. وَأَنْتَ الْمُسْتَعَانُ، وَعَلَيْكَ الْبَلَاءُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

Maksud: *Ya Allah! kami memohon antara kebaikan apa yang diminta Nabi-Mu Muhammad SAW, dan kami berlindung dari keburukan yang Nabi-Mu Muhammad SAW meminta perlindungan kepadanya. Engkau Tempat meminta pertolongan, dan Engkaulah tempat mengadu, dan tidak ada daya serta kekuatan kecuali kerana pertolongan-Mu).*

HDSS 4.3 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksud: *Wahai Tuhan kamil berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

HDSS 4.4 Doa penutup

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksud: *Allah SWT menselawati dan mensejahterakan ke atas penghulu kami Muhammad dan ahli keluarganya, para sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan bagi sekalian alam.*

HDSS 4.1-HDSS 4.4 merupakan doa yang terangkum semua jenis doa yang Nabi SAW pinta dan terangkum juga semua jenis doa yang Nabi SAW mohon lindungi.

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT KELIMA

Himpunan doa selepas solat yang terakhir ini merupakan himpunan doa yang ingin dikemukakan dengan kelebihan yang paling tinggi dan baik serta menyeluruh daripada aspek keperluan dunia dan akhirat. Mudah-mudahan doa yang lengkap ini memberikan umat Islam alternatif terbaik untuk menggunakan doa sebagai senjata bagi mencapai kecemerlangan. Himpunan doa ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam HDSS 5.1-HDSS 5.12.

HDSS 5.1 Doa pembukaan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِيُ مَزِيدَهُ. يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ
كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekamu alam. Pujian yang melengkapi segala nikmat dan yang menyempurnakan kelebihan. Wahai Tuhanku, bagi Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu. Ya Allah Ya Tuhan! Berilah selawat dan salam kepada penghulu kami Nabi Muhammad dan juga kepada ahli keluarganya, sahabatnya.*

HDSS 5.2 Doa asas kesejahteraan dunia dan akhirat

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ
كُلِّ بَرٍّ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، نَسْأَلُكَ أَلَّا تَدْعَ لَنَا ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا
فَرَجْتَهُ، وَلَا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلَّا قَضَيْتَهَا لَنَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksud: *Tidak ada ilah yang berhak disembah selain Allah yang Maha Lembut lagi Maha Pemurah, Maha Suci Allah, Tuhan Pemilik 'Anasy yang Maha Agung, segala puji bagi Allah, Tuhan semesta Alam, aku mengharap rahmat-Mu, ketetapan hati (untuk meraih) ampunan-Mu, mendapatkan keberuntungan dengan segala kebaikan dan keselamatan dari segala perbuatan dosa, jangan Engkau biarkan dosa padaku kecuali Engkau mengampuninya, dan jangan Engkau biarkan kegundahan kecuali Engkau membukakannya, dan jangan Engkau biarkan keperluan yang Engkau redai kecuali Engkau penuhi, wahai Zat yang Maha Pengasih.*

HDSS 5.3 Doa keampunan

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا خَطِيئَتِنَا وَجَهْلَنَا، وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنَّا، اللَّهُمَّ
اغْفِرْ لَنَا جِدَّنَا وَهَزْلَنَا، وَخَطْئَنَا وَعَمْدَنَا، وَكُلَّ ذَلِكَ عِنْدَنَا، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا مَا
قَدَّمْنَا وَمَا أَخَّرْنَا، وَمَا أَسْرَرْنَا وَمَا أَعْلَنَّا، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنَّا، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ
وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Maksud: *Ya Allah, ampunilah kesalahan, kebodohan, dan perbuatan kami yang terlalu berlebihan dalam urusan kami, serta ampunilah kesalahan kami yang Engkau lebih mengetahui daripada kami. Ya Allah, ampunilah kami dalam kesungguhan kami, kemalasan kami, dan ketidak sengajaan kami serta kesengajaan kami yang semua itu ada pada diri kami. Ya Allah, ampunilah kami atas dosa yang lalu, dosa yang mendatang, dosa yang kami samarkan, dosa yang kami perbuat dengan tenang-tenangan dan dosa yang Engkau lebih mengetahuinya daripada aku, Engkaulah yang mengajukan dan Engkaulah yang menanggihkan, serta Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.*

HDSS 5.4 Doa keampunan diri, ibu bapa, dan umat Islam

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِذِينَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِبَاً، وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

Maksud: *Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil. Demikian juga bagi seluruh umat Muslim dan Mukmin dalam kalangan lelaki dan wanita sama ada yang masih hidup atau yang meninggal dunia.*

HDSS 5.5 Doa ditetapkan hati dalam iman dan amal

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قُلُوبَنَا عَلَى دِينِكَ. اللَّهُمَّ مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا
عَلَى طَاعَتِكَ.

Maksud: *Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu. Ya Allah Zat yang memalingkan hati! Palingkanlah hati kami kepada ketaatan beribadah kepada-Mu!*

HDSS 5.6 Doa untuk pembaikan agama diri dunia dan akhirat

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لَنَا دِينَنَا الَّذِي هُوَ عَصَمَهُ أَمُورُنَا وَأَصْلِحْ لَنَا دُنْيَانَا الَّتِي فِيهَا
مَعَاشِنَا وَأَصْلِحْ لَنَا آخِرَتَنَا الَّتِي فِيهَا مَعَادِنَا وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ
خَيْرٍ وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لَنَا مِنْ كُلِّ شَرٍّ.

Maksud: *Ya Allah ya Tuhanku, perbaikilah bagiku agamaku sebagai benteng urusanku; perbaikilah bagiku duniaku yang menjadi tempat kehidupanku; perbaikilah bagiku akhiratku yang menjadi tempat kembaliku. Jadikanlah ya Allah kehidupan ini mempunyai nilai tambah bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematianku sebagai kebebasanku dari segala kejahatan!*

HDSS 5.7 Doa keamanan untuk kemakmuran negara

رَبَّنَا اجْعَلْنَا هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ.

Maksud: *Wahai Tuhanku! Jadikanlah ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat antara mereka*

HDSS 5.8 Doa dijauhi daripada musuh dan penzalim

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas. Dan selamatkanlah kami dengan rahmat-Mu dari angkara kaum yang kafir.*

HDSS 5.9 Doa diuji dengan sesuatu yang mampu dipikul

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ.

Maksud: *Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari ujian yang memayahkan, kesialan, takdir buruk, dan cacian musuh (kerana kemalangan diri).*

HDSS 5.10 Doa memohon permintaan dan kejauhan seperti diminta oleh Nabi Muhammad SAW

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ وَأَنْتَ الْمُسْتَعَانُ، وَعَلَيْكَ الْبَلَاءُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

Maksud: *Ya Allah! kami memohon antara kebaikan apa yang diminta Nabi-Mu Muhammad SAW, dan kami berlindung dari keburukan yang Nabi-Mu Muhammad SAW meminta perlindungan kepadanya. Engkau Tempat meminta pertolongan, dan Engkaulah tempat mengadu, dan tidak ada daya serta kekuatan kecuali kerana pertolongan-Mu).*

HDSS 5.11 Doa diberikan kebaikan dunia dan akhirat

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

HDSS 5.12 Doa penutup

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Allah SWT menselawati dan mensejahterakan ke atas penghulu kami Muhammad dan ahli keluarganya, para sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan bagi sekalian alam.

HDSS 5 ini merupakan 14 potong doa yang merangkumi aspek keampunan untuk diri, ibu bapa, umat Islam; hidayah untuk diri dan umat; ditetapkan iman dan Islam; pembentukan diri yang baik; keamanan untuk negara; terjauh daripada musuh; terjauh daripada malapetaka dunia; dan pembaikan, kesejahteraan, dan kebahagiaan hidup di dunia, alam kubur, dan alam akhirat.

RUMUSAN

Bab ini berjaya membentangkan himpunan doa yang membolehkan seseorang memilih doa yang boleh digunakan dalam waktu biasa dan dalam waktu yang tergesa-gesa. Dengan harapan agar seluruh umat Islam benar-benar menggunakan doa ini dalam kehidupan mereka bagi merubah kehidupan daripada pada satu tahap kepada satu tahap yang lebih baik.

2

ADAB BERDOA

PENGENALAN

Terdapat enam asas adab dalam berdoa, iaitu berdoa dalam setiap ibadah yang sudah dilaksanakan, mengamalkan *Ism Allah al-A'zam*, mulakan dan akhirkkan doa dengan pujian dan selawat, menyulang doa dengan penggunaan seruan nama Allah SWT, menjauhi doa yang buruk sama untuk diri dan orang lain, bersangka baik bahawa doa yang diminta sudah pasti akan diperkenankan.

BERDOA SELEPAS MELAKUKAN IBADAH

Meninggalkan doa selepas ibadat adalah lebih berbahaya daripada doa tidak dikabulkan selepas berdoa. Meninggalkan berdoa menyebabkan seseorang dianggap sombong dengan Allah SWT (surah *Gafir*, 40: 60). Padahal para hamba banyak kekurangan dalam kehidupan yang mereka perlukan untuk berdoa. Manakala setiap doa yang tidak dikabulkan akan digantikan dengan pahala di alam akhirat jika benar Allah SWT tidak mengkabulkannya ketika di dunia. Hal ini yang dijelaskan dalam hadis (Ahmad, 2001: 11133):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدْعُو بِدَعْوَةٍ لَيْسَ فِيهَا إِيْتِمٌ، وَلَا قَطِيعَةٌ رَحِمٍ، إِلَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ بِهَا إِحْدَى ثَلَاثٍ: إِمَّا أَنْ تُعَجَّلَ لَهُ دَعْوَتُهُ، وَإِمَّا أَنْ يَدَّخِرَهَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ، وَإِمَّا أَنْ يَصْرِفَ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهَا». قَالُوا: إِذَا نُكْثِرُ، قَالَ: «اللَّهُ أَكْثَرُ».

Maksud: *Abu Sa'īd al-Khudri RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Tidaklah seorang Muslim memanjatkan satu doa yang tidak mengandung dosa dan pemutusan silaturahmi kecuali Allah memberinya salah satu dari tiga perkara: doanya tersebut dikabulkan segera, disimpan untuk nya di akhirat, atau dirinya akan dijauhkan dari keburukan yang senilai dengan permohonan yang dipintanya." Para sahabat berkata, "Kalau begitu kami akan memperbanyak doa kami." Baginda SAW bersabda, "Allah lebih banyak lagi (memberi)."*

(Ahmad)

Hadis ini disokong dengan hadis yang lebih sahih, iaitu (Al-Nawawi, 1998: 1501; Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3573)

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: مَا عَلَى الْأَرْضِ مُسْلِمٌ يَدْعُو اللَّهَ بِدَعْوَةٍ إِلَّا آتَاهُ اللَّهُ إِيَّاهَا أَوْ صَرَفَ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهَا مَا لَمْ يَدْعُ بِإِثْمٍ أَوْ قِطِيعَةٍ رَحِمَ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: إِذَا نُكْثِرُ، قَالَ: اللَّهُ أَكْثَرُ. وَرَوَاهُ الْحَاكِمُ مِنْ رَوَايَةِ أَبِي سَعِيدٍ وَزَادَ فِيهِ: «أَوْ يَدْخِرْ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلَهَا».

Maksud: *Ubadah bin al-Samit RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Tidaklah seorang Muslim di bumi yang memanjatkan satu doa kecuali Allah memberinya atau dirinya akan dijauhkan dari keburukan yang senilai dengan permohonan yang dipintanya selagi tidak mengandung dosa dan pemutusan silaturahmi." Seorang sahabat berkata, "Kalau begitu kami akan memperbanyak doa kami." Baginda SAW bersabda, "Allah lebih banyak lagi (memberi)." Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Hakim daripada perawi Abu Sa'īd dan terdapat penambahan dalam hadis beliau, "Atau ditangguhkan untuknya di alam akhirat dalam bentuk pahala yang sama berat dengan doanya."*

(Al-Tirmidhi)

Oleh kerana itu, adab pertama dalam berdoa adalah memastikan diri sentiasa berdoa ketika selesai melakukan sebarang ibadah khususnya ibadah solat yang wajib agar hamba itu tidak dianggap sombong oleh Allah SWT. Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan hadis berikut yang menjelaskan (Al-Nawawi, 1998: 1500; Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3499):

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ: «أَيُّ الدُّعَاءِ أَسْمَعُ؟» قَالَ: «جَوْفَ اللَّيْلِ الْآخِرِ، وَدُبْرَ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوباتِ.»

Maksud: *Abu Umamah RA berkata, "Ditanya, "Wahai Rasulullah! Apakah doa yang paling didengar? Sabda Baginda SAW, "Pada waktu tengah malam dan selepas solat yang wajib."*

(Al-Tirmidhi)

Bahkan Rasulullah SAW menjelaskan bahawa ketika sujud merupakan saat dan ketika seseorang hamba itu paling dekat dengan Allah SWT. Baginda menyuruh agar diperbanyakkan doa pada ketika itu. Kenyataan ini berdasarkan hadis berikut (Al-Nawawi, 1998: 1498; Muslim, t.th.: 482):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ، وَهُوَ سَاجِدٌ، فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Keadaan hamba yang paling dekat dengan Tuhannya ialah ketika sujud. Oleh itu, perbanyakkan doa ketika ini."*

(Muslim)

Ringkasnya, untuk seseorang berdoa kepada Allah SWT, dia perlu melakukan kebajikan khususnya solat. Ketika sujud atau setelah selesai

solat atau ibadat yang lain-nya, barulah dia boleh berdoa untuk memohon hajatnya kepada Allah SWT. Ketika ini Allah SWT sangat suka mendengar doa hamba-Nya ketika dia berdoa untuk Dia berkenankan.

MEMBACA *ISM ALLAH AL-A'ZAM* SEBELUM DOA

Selepas beribadah seperti solat dan membaca al-Quran, terdapat amalan bacaan yang dipanggil *Ism Allah al-A'zam* yang digalakkan untuk dibaca sebelum seseorang berdoa. *Ism Allah al-A'zam* dianggap sebagai kabel yang menghubungkan antara manusia dengan Allah SWT sebelum seseorang berdoa berdasarkan daripada hujah daripada hadis yang menyuruh menggunakannya sebelum berdoa agar doa menjadi mustajab. *Ism Allah al-A'zam* yang tertinggi disebutkan dalam hadis berikut (Al-Tirmidhi, M., 1998: 3478; Abu Dawud, 2009: 3855; Ibn Majah, 2009: 1496):

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: «اسْمُ اللَّهِ الْأَعْظَمُ فِي هَاتَيْنِ الْآيَتَيْنِ» وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ وَفَاتِحَةِ آلِ عِمْرَانَ «الْمُ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ».

Maksud: *Asma' bint Yazid RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Ism Allah al-A'zam pada dua ayat berikut, iaitu (al-Baqarah 2: 163):*

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

dan ayat pembuka Ali 'Imran (3: 1-2):

الْقُرْآنُ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

(Al-Tirmidhi, Abu Dawud, dan Ibn Majah)

Keutamaan *Ism Allah al-A'zam* bertujuan untuk orang yang membacanya akan diperkenankan doa mereka. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam athar berikut (Al-Darimi, 2013: 3436):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قَرَأَ رَجُلٌ عِنْدَ عَبْدِ اللَّهِ الْبَقْرَةَ، وَآلَ عِمْرَانَ، فَقَالَ: «قَرَأْتُ سُورَتَيْنِ فِيهِمَا اسْمُ اللَّهِ الْأَعْظَمُ الَّذِي إِذَا دُعِيَ بِهِ أَجَابَ، وَإِذَا سُئِلَ بِهِ أُعْطِيَ.»

Maksud: *Abdullah RA berkata, “Ada seseorang membaca surat al-Baqarah dan surah Ali ‘Imran di samping Abdullah, lalu ia pun berkata, “Engkau membaca dua surat yang dalamnya terdapat nama Allah yang paling agung (اسم الله الأعظم), yang apabila digunakan ketika berdoa pasti diperkenankan dan apabila digunakan ketika meminta pasti dikabulkan.*

(*Al-Darimi*)

Lagi banyak kabel dipasang lagi cepat doa seseorang dikabulkan dan doanya menjadi sangat mustajab. Oleh kerana itu, banyak ulama menganjurkan amalan zikir selepas solat. Amalan ini terkandung dalamnya sebutan nama Allah SWT, doa dan pujian kepada-Nya, bacaan *Ism Allah al-A‘zam* daripada petikan ayat al-Quran, zikir, dan selawat. Bacaan zikir selepas solat ini memungkin doa seseorang lebih cepat dikabulkan (Jasmi, 2019).

Boleh juga menjadikan bacaan *Ism Allah al-A‘zam* ini sebagai amalan ibadah khusus seperti bacaan Manzil dan (Al-Khandahlawi, t.th.; Jasmi, 2018c, 2020a) bacaan Ma‘thurat (Al-Banna, t.th.) sebelum seseorang berdoa. Hal ini disebabkan kedua-dua jenis bacaan ini menghimpun *Ism Allah al-A‘zam* dengan jumlah yang banyak dan pelbagai yang menjadikan doa lebih mudah dikabulkan. Begitu juga bacaan tahlil dan doa juga merupakan contoh amalan yang menghimpunkan bacaan yang terkandung banyak *Ism Allah al-A‘zam*. Selain amalan ini juga menghimpunkan amalan yang menghasilkan pahala yang banyak dan besar (Jasmi, 2020b). Gabungan daripada bacaan yang menghasilkan pahala yang banyak serta bacaan *Ism Allah al-A‘zam* menjadikan doa yang dipohon pada akhir amalan menjadi sangat mustajab.

PUJIAN DAN SELAWAT SEBELUM DAN SELEPAS BERDOA

Orang yang berdoa juga perlu memastikan bahawa mereka memulakan doa dengan puji-pujian kepada Allah SWT serta selawat dan selamat ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarganya, dan para sahabatnya. Oleh kerana itu, doa ini diletakkan dalam semua himpunan doa yang dicadangkan (HDSS 1.1, HDSS 2.1, HDSS 3.1, HDSS 4.1, HDSS 5.1 [Doa pembuka]; HDSS 1.8, HDSS 2.8, HDSS 3.7, HDSS 4.4, HDSS 5.12 [Doa penutup]).

Berdoa tanpa kedua-dua pembuka dan penutup berbentuk pujian dan selawat perkara ini menyebabkan seseorang yang berdoa tergolong dalam golongan orang yang gopoh. Hal ini demikian berdasarkan sabdaan Nabi dalam satu hadis, iaitu (Al-Nasa'i, 1986: 1284):

عَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «سَمِعَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ رَجُلًا يَدْعُو فِي صَلَاتِهِ لَمْ يُمَجِّدِ اللَّهَ وَلَمْ يُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ». فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «عَجَلْتُ أَيُّهَا الْمُصَلِّي». ثُمَّ عَلَّمَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ. وَسَمِعَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ رَجُلًا يُصَلِّي فَمَجَّدَ اللَّهَ وَحَمِدَهُ وَصَلَّى عَلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «ادْعُ تُحِبُّ وَسَلِّ تُعْطَى».

Maksud: *Fadhalah bin Ubaid RA berkata, "Rasulullah SAW mendengar seorang lelaki berdoa dalam solatnya tanpa mengagung-agungkan Allah dan tanpa berselawat kepada Rasulullah SAW. Maka baginda bersabda, "Wahai orang yang bersolat, kamu gopoh." Kemudian Rasulullah SAW mengajarkan mereka. Dan baginda mendengar seorang lelaki berdoa dalam solatnya lalu dia mengagung-agungkan Allah dan memuji-muji-Nya dan berselawat untuk Rasulullah SAW. Lalu baginda bersabda, "Berdoalah nanti akan dimakbulkan dan mintalah pasti kami akan diperkenankan."*

(Al-Nasa'i)

Hadis ini menunjukkan bahawa seseorang itu wajar beradab dengan adab yang sempurna ketika berdoa agar doa mereka benar-benar diperkenankan. Adab yang sempurna yang dimaksudkan ialah dengan mastikan setiap awal doa dan penutup hendaklah terdapat pada puji-pujian kepada Allah SWT dan menselawati ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan para sahabatnya. Hal yang sama juga perlu dilakukan ketika menutup doanya. Dengan adab ini seseorang hamba boleh meminta apa sahaja doa yang baik dan sudah pasti Allah SWT akan memperkenannya.

Pujian kepada Allah SWT yang paling sempurna dan paling besar dan tinggi pahala pula (Jasmi, 2018b, 2018a) ada dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadis, iaitu (Ibn Majah, 2009: 3801):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ حَدَّثَهُمْ: «أَنَّ عَبْدًا مِنْ عِبَادِ اللَّهِ قَالَ: «يَا رَبِّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ». فَعَصَلَتْ بِالْمَلَائِكِينَ، فَلَمْ يَدْرِيَا كَيْفَ يَكْتُبَانَهَا، فَصَعِدَا إِلَى السَّمَاءِ، وَقَالَا: «يَا رَبَّنَا، إِنَّ عَبْدَكَ قَدْ قَالَ مَقَالَةً لَا نَدْرِي كَيْفَ نَكْتُبُهَا». قَالَ اللَّهُ ﷻ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا قَالَ عَبْدُهُ: «مَاذَا قَالَ عَبْدِي؟» قَالَا: «يَا رَبِّ إِنَّهُ قَالَ: «يَا رَبِّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ». فَقَالَ اللَّهُ ﷻ لَهُمَا: «اَكْتُبَاهَا كَمَا قَالَ عَبْدِي، حَتَّى يَلْقَانِي فَأَجْزِيَهُ بِهَا».

Maksud: 'Abdullah bin 'Umar RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW berkata kepada mereka, "Bahwa ada seorang hamba Allah berdoa,

يَا رَبِّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ

Erti: Wahai Tuhanku. bagi Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu.

Kedua-dua malaikatnya merasa kesulitan kerana tidak mengetahui bagaimana cara untuk mencatat pahalanya, lalu kedua-duanya naik mengadu

kepada Allah dan berkata, “Wahai Tuhan kami, sesungguhnya ada seorang hamba mengucapkan suatu kalimat (doa) yang kami tidak mengetahui bagaimana mencatatnya.” Allah SWT berfirman sedangkan Dia Maha Mengetahui apa yang diucapkan oleh hamba-Nya itu, “Apakah yang diucapkan oleh hamba-Ku itu?” Kedua-duanya menjawab, “Wahai Tuhan! Sesungguhnya dia mengucapkan:

يَا رَبِّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ

Lalu Allah berfirman kepada kedua-dua malaikat itu, “Catatlah olehmu berdua seperti apa yang diucapkan oleh hamba-Ku hingga dia bersua dengan-Ku, maka Aku akan membalas pahalanya secara langsung.”

(Ibn Majah)

Oleh itu, pujian kepada Allah SWT dalam doa pembuka sepertimana dalam HDSS 1.1, HDSS 1.2, dan HDSS 1.5 adalah pujian yang terbaik ditujukan kepada Allah SWT selaras pernyataan hadis ini. Tujuan penggunaan pujian ini bukan sahaja memenuhi adab dalam berdoa, tetapi juga menghasilkan pahala yang besar kepada pengamalnya.

MENYULAM DOA DENGAN PENGGUNAAN NAMA ALLAH SWT

Salah satu cara untuk menjadikan doa semakin dikabulkan ialah dengan menyulami doa mengikut keperluan doa bersama dengan panggilan dan sebutan nama Allah SWT (Jasmi, 2019). Orang yang berdoa untuk keampunan boleh menggunakan nama Allah SWT yang menekankan sifatnya Yang Maha Pengampun seperti *al-Ghafir* dan *al-Ghaffar* sebagai sulaman seruan untuk berdoa memohon keampunan.

Begitu juga juga ketika memohon agar diselesaikan segala masalah dan kesulitan, maka boleh digunakan nama Allah-Nya yang melambangkan sifat belas, ihsan, dan kasih sayang. Contoh terbaik seperti apa yang diserukan oleh Nabi SAW terhadap nama Allah SWT ketika dalam kesusahan dalam hadis ini (Al-Nawawi, 1998: 1502; Al-Bukhari, 2001: 6346; Muslim, t.th.: 2730) dengan seruan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ ﷺ كَانَ يَقُولُ عِنْدَ الْكَرْبِ: «لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ».

Maksud: *Ibn 'Abbas RA menceritakan bahawa Nabi SAW biasanya akan berdoa ketika dalam kesusahan yang bermaksud, "Tiada sesembahan yang hak selain Allah Yang Maha Agung dan Maha Penyantun. Tiada Tuhan selain Allah, Tuhan Penguasa arsy yang agung. Tiada sesembahan yang hak selain Allah, Tuhan langit dan bumi serta Tuhan anasy yang mulia.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Begitu juga terdapa suruhan Nabi SAW agar selalu menggunakan nama 'Ya Dha al-Jalal wa al-Ikram' (يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ) dalam berdoa untuk memudahkan lagi pengabulan doa serta memperindahkan lagi doa kepada Allah SWT. Suruhan tersebut sebagaimana hadis berikut (Al-Nawawi, 1998: 1491; Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3525):

عَنْ أَنَسٍ رضي الله عنه، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: «الْظُّوْأُ بِيَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ».

Maksud: *Anas RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Biasakan dengan seruan ini dan perbanyakkan dengan seruan 'Ya Dha al-Jalal wa al-Ikram' (يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ), iaitu, "Wahai yang Memiliki Keagungan dan Kemuliaan/Kemurahan."*

(Al-Tirmidhi)

Ringkasnya, nama Allah SWT yang 99 boleh digunakan sebagai seruan nama Allah SWT dalam doa mengikut keperluan doa yang diminta. Kefahaman tentang penggunaan nama-Nya mampu membantu untuk mengkabulkan lagi doa seseorang.

Selain itu, menurut hadis, bagi memastikan hajat seseorang terkabul HDSS 5.2 boleh digunakan dalam permulaan doa supaya semua doa yang dipinta selepas menunaikan sebarang solat akan dimustajabkan oleh Allah SWT. Kenyataan hadis ini seperti berikut (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 479; Al-Nasa'i, 1986: 1384):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ كَانَتْ لَهُ إِلَى اللَّهِ حَاجَةٌ، أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ بَنِي آدَمَ فَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُحْسِنِ الْوُضُوءَ، ثُمَّ لِيُصَلِّ رَكَعَتَيْنِ، ثُمَّ لِيُثْنِ عَلَى اللَّهِ، وَلْيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ، ثُمَّ لِيَقُلْ: «لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْخَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَغَرَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، أَسْأَلُكَ أَلَّا تَدْعَ لِي ذَنْبًا إِلَّا عَفَرْتُهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَجْتَهُ، وَلَا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلَّا قَضَيْتَهَا لِي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.»

Maksud: 'Abdullah bin Abi 'Aufa RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang ada sesuatu hajat yang hendak dipinta kepada Allah atau sesiapa pun daripada Bani Adam, maka hendaklah dia berwuduk dengan sebaik-baik wuduk, lalu dia bersolat dua rakat, kemudian dia memuji Allah dan menselawati kepada Nabi Muhammad SAW, akhirnya dia berdoa dengan doa ini:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْخَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَغَرَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، أَسْأَلُكَ أَلَّا تَدْعَ لِي ذَنْبًا إِلَّا عَفَرْتُهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَجْتَهُ، وَلَا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلَّا قَضَيْتَهَا لِي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Erti: Tidak ada Ilah yang disembah selain Allah yang Maha Lembut lagi Maha Pemurah, Maha Suci Allah, Tuhan Pemilik 'Arsy yang Maha Agung segala puji bagi Allah, Tuhan semesta Alam, aku mengharap rahmat-Mu, ketetapan

hati (untuk meraih) ampunan-Mu, mendapatkan keberuntungan dengan segala kebaikan dan keselamatan dari segala perbuatan dosa, jangan Engkau biarkan dosa padaku kecuali Engkau mengampuninya, dan jangan Engkau biarkan kegundahan kecuali Engkau membukakannya, dan jangan Engkau biarkan keperluan yang Engkau redai kecuali Engkau penuhi, wahai Zat yang maha pengasih.”

(*Al-Tirmidhi dan Al-Nasa'i*)

Oleh itu, sebagai mencontohi Nabi SAW, ketika seseorang dalam kesusahan dan cabaran yang getir, mengadulah kepada Allah SWT. Ketika itu, mereka akan dapati doa mereka cepat sahaja dikabulkan oleh Allah SWT bagi menyelesaikan masalah mereka yang sedang dihadapi. Hal ini demikian kerana, doa para hamba yang dalam kesukaran lebih mudah dikabulkan oleh Allah SWT untuk diselesaikan oleh-Nya.

BERDOA TERHADAP SESUATU YANG BAIK

Salah satu adab yang penting dalam berdoa ialah berdoa terhadap sesuatu yang baik dan menjauhi yang buruk dan kotor. Doa tersebut sama ada untuk diri sendiri atau untuk orang lain. Hadis Ahmad (2001: 3283) meletak syarat bahawa doa yang dipinta untuk diperkenan oleh Allah SWT ialah sesuatu yang bukan yang buruk dan dosa atau sesuatu yang memutuskan silatulahim antara sesama manusia seperti doa agar ditimpakan malapetaka dan kehinaan atau mendoakan kematian. Namun doa atau kata-kata keburukan untuk diri sendiri dan bukan orang lain akan diperkenankan oleh Allah SWT khususnya jika kata-kata dan doa tersebut bertepatan dengan waktu yang dikabulkan doa oleh Allah SWT. Satu hadis menjelaskan (Al-Nawawi, 1998: 1497; Muslim, t.th.: 3009):

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَا تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ، وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَوْلَادِكُمْ، وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَمْوَالِكُمْ، لَا تَوَافِقُوا مِِنْ اللَّهِ سَاعَةً يُسْأَلُ فِيهَا عَطَاءٌ، فَيَسْتَجِيبُ لَكُمْ.»

Maksud: *Jabir RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Janganlah kamu mendoakan keburukan pada dirimu, jangan mendoakan keburukan pada anak-anakmu, jangan mendoakan keburukan pada hartamu, janganlah kamu menepati saat dikabulkannya doa dari Allah lalu Ia akan mengabulkan untukmu.”*

(Muslim)

Ringkasnya, doa yang tidak baik untuk orang lain tidak akan dikabulkan oleh Allah SWT, namun doa keburukan untuk diri sebaliknya. Oleh kerana itu, apabila berdoa dan berkata-kata, seseorang jangan sesekali meminta keburukan untuk diri, keluarganya, dan hartanya.

SANGKA BAIK DOA SENTIASA DIKABULKAN DAN TIDAK JEMU

Dalam pada itu, seorang Muslim wajib bersangka baik kepada Allah SWT ketika berdoa kerana doa dikabulkan mengikut apa yang disangka. Seseorang yang menyangka doanya dikabulkan oleh Allah SWT, maka doa terkabul. Sebaliknya pula seseorang yang menyangka bahawa doa tidak dikabulkan, maka doanya tidak akan dikabulkan. Satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 7505; Muslim, t.th.: 2675):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: «أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِـ»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, “Nabi SAW bersabda, “Allah SWT berfirman, “Aku bersama dengan sangkaan para hamba-ku.”*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, tidak seharusnya seseorang hamba itu membayangkan yang doanya tidak dikabulkan. Sekiranya dia menyangka bahawa Allah SWT

tidak menerima doanya, maka sememangnya doa itu tertolak. Hal ini berdasarkan hadis yang lalu (Ahmad, 2001: 3283). Hadis ini membuktikan bahawa doa akan diperkenankan oleh Allah SWT sama ada di dunia atau Allah SWT gantikannya di akhirat nanti.

Sekiranya sesuatu doa ingin diperkenankan di dunia, Allah SWT akan memperkenankannya mengikut keadaan dan waktu yang sesuai untuk para hambanya. Doanya tidak semestinya akan dikabulkan dalam masa yang terdekat. Apa yang penting jangan terlalu gopoh untuk mengharap Allah SWT memperkenan doanya dengan waktu yang segera. Hal ini demikian sebagaimana maksud hadis yang menyatakan (Al-Nawawi, 1998: 1499; Al-Bukhari, 2001: 6340; Muslim, t.th.: 2735):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، قَالَ: «يُسْتَجَابُ لِأَحَدِكُمْ مَا لَمْ يَعْجَلْ، فَيَقُولُ: قَدْ دَعَوْتُ فَلَا - أَوْ فَلَمْ - يُسْتَجَبْ لِي.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Dikabulkan doa seorang kamu selagi dia tidak tergopoh-gapah, iaitu dia berkata, "Aku sudah berdoa, tetapi doaku tidak dikabulkan."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Kenyataan hadis yang sama juga menyatakan agar tidak tergopoh-gapah untuk melihat hasil doa yang dikabulkan dengan segera. Hal ini kerana, seseorang yang tidak sabar melihat penghasilan daripada doanya dalam waktu yang cepat akan mudah putus asa dalam berdoa yang menyebabkan dia terus meninggalkan amalan doa tersebut. Kenyataan ini digambarkan oleh hadis sepertimana berikut (Al-Nawawi, 1998: 1499; Muslim, t.th.: 2735):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: «لَا يَزَالُ يُسْتَجَابُ لِلْعَبْدِ، مَا لَمْ يَدْعُ بِائْتِمَارٍ أَوْ قَطِيعَةٍ رَحِمَ، مَا لَمْ يَسْتَعْجَلْ» قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِسْتِعْجَالُ؟

قَالَ: يَقُولُ: «قَدْ دَعَوْتُ وَقَدْ دَعَوْتُ، فَلَمْ أَرَيْتَجِيبُ لِي، فَيَسْتَحْسِرُ عِنْدَ ذَلِكَ وَيَدْعُ الدُّعَاءَ.»

Maksud: *Abu Hurairah* menceritakan bahawa *Nabi SAW* bersabda, “Doa seseorang senantiasa akan dikabulkan selama ia tidak berdoa untuk perbuatan dosa ataupun untuk memutuskan tali silaturahmi dan tidak tergesa-gesa.” Seorang sahabat bertanya, “Ya Rasulullah! Apakah yang dimaksud dengan tergesa-gesa?” Rasulullah *SAW* menjawab, “Yang dimaksud dengan tergesa-gesa adalah apabila orang yang berdoa itu mengatakan, “Aku berdoa dan terus berdoa tetapi belum juga dikabulkan.” Setelah itu, ia merasa putus asa dan tidak pernah berdoa lagi.”

(Muslim)

Apa yang penting bahawa setiap individu wajib percaya bahawa doa mereka akan dikabulkan oleh Allah SWT. Selain itu, berdasarkan hadis ini juga bahawa seseorang jangan sampai jemu untuk terus berdoa. Hal ini kerana setiap doa yang dipinta sekurang-kurangnya pasti akan dikabulkan oleh Allah SWT atau diberikan pahala kerana beribadah kepada Allah SWT dalam bentuk doa (Ahmad, 2001: 11133).

RUMUSAN

Sebagai kesimpulan bahawa doa selepas melakukan ibadat pada setiap waktu dan setiap hari adalah sesuatu yang digalak dan disuruh. Hal ini kerana para hamba mendapat faedah kemustajaban doa. Doa ini dipohon khususnya ketika sangat berhajat dan ketika memohon pertunjuk Allah SWT dalam persoalan pilihan dalam hidup. Selain itu, doa mestilah untuk meminta sesuatu yang baik, menyakini akan diperkenankan atau diberikan pahala ganti diakhirat, serta hendak diawali dan diakhir doa dengan pujian kepada Allah SWT dan menselawati ke atas junjungan Rasulullah *SAW*.

3

HUJAH DOA WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH

PENGENALAN

Semua HDSS yang dianjurkan adalah diambil sama ada daripada sumber al-Quran atau sumber hadis. Doa merupakan ibadah yang dianjurkan dalam Islam yang tidak terikat sangat daripada kedua-dua sumber. Hal ini kerana pada asalnya seseorang berdoa adalah untuk memenuhi keperluan diri, oleh itu, ketika seseorang berdoa seorang diri, dia akan menggunakan lafaz mufrad untuk berdoa, maka sumber al-Quran dan hadis yang menggunakan lafaz jamak boleh ditukar kepada lafaz mufrad. Sebaliknya pula, jika anjuran doa dalam bentuk mufrad daripada sumber al-Quran dan hadis, tetapi imam berdoa untuk dirinya dan para makmumnya, maka imam dituntut untuk menukarkan lafaz mufrad tersebut kepada lafaz jamak agar dia tidak dianggap mengkhianati para makmumnya (Al-Tirmidhi, 1998: 357).

Seseorang juga boleh mengambil sebahagian daripada doa daripada sumber al-Quran dan hadis yang digabungkan dengan doa yang diolah sendiri daripada bahasa Arab atau yang diambil daripada anjuran para ulama sekalipun bukan daripada sumber al-Quran. Sebagai contoh doa keampunan yang ditunjukkan dalam al-Quran banyak menyentuh keampunan untuk diri dan ibu bapa. Doa ini diubahsuaikan dengan digabungkan dengan doa keampunan juga kepada ahli keluarga, anak-anak, dan umat Islam. Apa yang lebih penting bahawa orang yang berdoa mestilah faham apa yang didoakan agar doa menjadi mustajab.

Bab ini akan mengupas sumber asal semua HDSS sama ada yang dikekalkan lafaznya, diubahsuaikan dengan lafaz baru, dan digabungkan dengan doa tambahan agar skop doa menjadi lebih luas.

SUMBER DOA DARIPADA AL-QURAN

Doa yang dianjurkan dalam HDSS 1.2, HDSS 3.3, dan HDSS 5.4 adalah merupakan doa untuk ibu bapa yang digabungkan daripada dua ayat al-Quran, iaitu firman Allah SWT:

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ ﴿٤١﴾

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua-dua ibu bapaku serta bagi orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan*" (41)

(Surah Ibrahim, 14: 41)

Selain ayat ini, doa disambungkan pula dengan firman-Nya:

رَبِّ أَرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْنِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksud: *Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.* (24)

(Surah al-Isra' 17: 24)

Namun lafaz doa dalam HDSS 1.2 HDSS 3.4 HDSS 5.4 menggunakan lafaz jamak kepada (كَمَا رَبَّيْنَا صَغِيرًا) dan bukan *muthanna* (كَمَا رَبَّيْنَا صَغِيرًا) disebabkan semua manusia memiliki ibu bapa yang berbeza-beza dan bukan daripada ibu bapa yang sama.

HDSS 1.4, iaitu doa agar diberikan isteri atau suami dan anak yang menyejukan mata dengan kecantikan zahir dan akhlak, serta memohon kepada Allah SWT menjadikan diri orang yang berdoa, isteri atau suami, dan zuriat sebagai ketua kepada orang yang bertakwa. Doa ini bersumberkan

firman Allah SWT yang menceritakan doa Nabi Ibrahim AS yang berdoa untuk dirinya, isterinya, dan anak cucunya:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksud: *Ya Tuhan kami, anugrahkanlah kepada kami isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang yang bertakwa.*

(Surah *al-Furqan*, 25: 74)

Solat merupakan amalan terpenting dalam Islam untuk dipohon agar diberikan kekuatan oleh Allah SWT untuk dapat dijaga. Doa agar solat dapat dijaga oleh setiap individu dan juga zuriat keturunan sebagai mana dalam HDSS 1.5 adalah diambil daripada firman Allah SWT ini:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا تَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤٠﴾

Maksud: *Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan solat dan Demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.*

(Surah *Ibrahim*, 14: 40)

Namun, lafaznya sudah diubahsuai kepada lafaz jamak bagi membolehkan para imam berdoa untuk dirinya dan orang ramai.

Doa dikekalkan keimanan seperti yang ditunjukkan dalam HDSS 1.6 adalah datang daripada firman Allah SWT berikut:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ
الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya. (8)*

(Surah Ali Imran, 3: 8)

Doa sebelum penutup, iaitu memohon diberikan kebaikan di dunia dan akhirat yang diletakkan dalam HDSS 1.7, HDSS 2.7, HDSS 3.6, HDSS 4.3, dan HDSS 5.11 adalah sebenarnya datang daripada firman Allah SWT yang memuji para hambanya yang menunaikan haji dan berdoa dengan doa ini berbanding dengan orang yang hanya memohon dunia sahaja. Firman-Nya:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

Maksud: *Wahai Tuhan kami! berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka. (201)*

(Surah al-Baqarah, 2: 201)

Mendoakan keampunan diri, ibu bapa, kepada sesiapa yang masuk kerumah serta keampunan buat umat yang Mukmin seperti yang terdapat di HDSS 2.2 adalah datang daripada firman Allah SWT berikut:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ ^ط وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا تَبَارًا ﴿٢٨﴾

Maksud: *Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua-dua ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagimu orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman); dan janganlah Engkau tambah orang yang zalim melainkan kebinaasaan! (28)*

(Surah Nuh, 71: 28)

Lafaz mufrad dalam ayat ditukarkan kepada jamak untuk dijadikan sebagai doa untuk para imam dan bukan lagi menjadi ayat al-Quran.

Doa agar dikekalkan sebagai orang Islam sama ada untuk diri dan zuriat sepertimana dalam HDSS 2.4 adalah datang daripada doa Nabi Ibrahim AS buat dirinya dan anaknya Nabi Ismail:

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا
مَنَاسِكَائِمْ ^ط عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang Islam (yang berserah diri) kepada-Mu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. (128)*

(Surah al-Baqarah, 2: 128)

Lafaz (مُسْلِمَيْنِ) diubah kepada (اِسْلِمَيْنِ) bagi membolehkan para imam berdoa untuk semua dan bukan merujuk kepada dua orang.

Doa agar Allah tambahkan ilmu dan tingkatkan kefahaman sepertimana HDSS 3.4 adalah bersumberkan daripada firman Allah SWT berikut:

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

Maksud: *Wahai Tuhanku, tambailah ilmuku.*

(Surah *Taha*, 20: 114)

Ayat ini dijamakkan lafaznya dan digabungkan dengan permohonan pemberian kefahaman kerana terdapat hadis yang menggambarkan kepentingan faham ilmu berbanding penambahan ilmu sebagaimana yang dijelaskan hadis (Al-Bukhari, 2001: 71; Muslim, t.th.: 1037):

عَنْ حُمَيْدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ: «سَمِعْتُ مُعَاوِيَةَ، خَطِيبًا يَقُولُ
سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ: «مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ.»

Maksud: *Humayd bin 'Abd al-Rahman RA berkata, "Aku mendengar Mu'awiyah berkhotbah, lalu beliau berkata, "Aku mendengar Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah SWT kebaikan, nescaya akan diberikan kefahaman agama.*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Terbukti HDSS 3.4 merupakan doa penambahan ilmu dan kefahaman yang ringkas dan padat buat seorang hamba kepada Allah SWT.

Doa yang terdapat dalam HDSS 5.7, iaitu untuk kemakmuran negara dan tempat tinggal adalah bersumberkan daripada firman Allah SWT berikut yang menggambarkan doa Nabi Ibrahim AS:

رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الشَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksud: *Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 126)

Seperti biasa untuk para imam mendoakan negeri dalam keadaan aman, lafaz jamak digunakan bagi menggantikan doa yang diajarkan al-Quran ini.

Seterusnya, HDSS 5.8 pula diambil daripada doa Nabi Yusuf dalam firman Allah SWT berikut:

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾ وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ
الْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾

Maksud: *Tuhan kami! janganlah Engkau jadikan Kami landasan fitnah bagi kaum yang zalim (85). ”dan selamatkanlah Kami Dengan rahmat-Mu dari angkara kaum Yang kafir.” (86)*

(Surah *Yunus*, 10: 85-86)

Doa ini dikekalkan penggunaannya sebagaimana yang sedia ada kerana sudah menggunakan lafaz jamak.

SUMBER DOA DARIPADA HADIS

Selain sumber al-Quran, doa dalam HDSS adalah juga bersumberkan daripada hadis Nabi SAW. Doa permohonan hidayah, ketakwaan, pemeliharaan daripada dosa, dan sifat *qana'ah* adalah diambil daripada hadis Nabi SAW berikut, tetapi sudah dijamakkan lafaznya untuk dijadikan doa. Hadisnya seperti berikut (Muslim, t.th.: 2721):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
الْهُدَى وَالتَّقَى، وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى.»

Maksud: 'Abdullah RA menceritakan bahawa Nabi SAW pernah berdoa yang bermaksud, "Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, terhindar dari perbuatan yang tidak baik, dan kecukupan (tidak minta-minta).

(Muslim)

Sedangkan doa HDSS 2.3 adalah doa yang diubahsuaikan daripada hadis berikut (Muslim, t.th.: 2697):

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْجَعِيِّ، عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «كَانَ الرَّجُلُ إِذَا أَسْلَمَ،
عَلَّمَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ، ثُمَّ أَمَرَهُ أَنْ يَدْعُوَ بِهَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ: «اللَّهُمَّ
اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي وَارْزُقْنِي.»

Maksud: Abu Malik al-Ashja'i daripada bapanya RA, bapanya berkata, "Lelaki itu ketika dia memeluk Islam, Nabi SAW mengajarkannya solat dan menyuruhnya berdoa dengan doa berikut yang bererti, "Ya Allah! Ampunilah daku, rahmatilah daku, berilah hidayah kepadaku, dan rezekikan daku."

(Muslim)

Kemudian, HDSS 2.5 adalah datang daripada hadis yang diubah suai menjadi doa dalam bentuk jamak. Hadis tersebut ialah (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3483):

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قَالَ النَّبِيُّ ﷺ لِأَيِّ: «يَا حُصَيْنُ أَمَّا إِنَّكَ لَوْ أَسَلَمْتَ عَلَّمْتُكَ كَلِمَتَيْنِ تَنْفَعَانِكَ. قَالَ: «فَلَمَّا أَسَلَمَ حُصَيْنٌ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَّمَنِي الْكَلِمَتَيْنِ اللَّتَيْنِ وَعَدْتَنِي، فَقَالَ: «قُلْ: «اللَّهُمَّ أَلْهِمْنِي رُشْدِي، وَأَعِزَّنِي مِنْ شَرِّ نَفْسِي.»

Maksud: *Imran bin Husain RA berkata, "Nabi SAW bersabda kepada bapaku, "Wahai Husain sekiranya kamu memeluk Islam, aku akan ajarkan kamu dua kalimah doa yang memberikan manfaat kepadamu. Imran bin Husain berkata, "Ketika Husain memeluk Islam dia berkata, "Wahai Rasulullah! Ajarkan kepadaku dua kalimah doa yang sudah engkau janjikan. Baginda bersabda, "Berdoalah dengan doa yang bererti "Ya Allah, ilhamkan kepadaku kebijaksanaanmu, dan lindungilah aku dari kejahatan diriku.*

(Al-Tirmidhi)

Doa panjang HDSS 2.6 dan HDSS 3.5 yang menyentuh tentang doa agar dijauhkan daripada sifat yang keji serta ilmu yang tidak bermanfaat adalah datang daripada hadis berikut (Muslim, t.th.: 2722):

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «لَا أَقُولُ لَكُمْ إِلَّا كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «كَانَ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْبُخْلِ وَالْهَرَمِ، وَعَذَابِ الْقَبْرِ، اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا، أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ؛ وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ؛ وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا.»

Maksud: *Zayd bin Arqam RA berkata, "Tidaklah aku berkata kepadamu melainkan apa yang Rasulullah SAW sabdakan, "Baginda berdoa yang bermaksud, "Ya Allah ya Tuhanku, aku berindung kepada-Mu dari kelemahan, kemalasan, ketakutan, kekikiran, kepikunan, dan siksa kubur. Ya Allah ya Tuhanku, berikanlah ketakwaan kepada jiwaku, sucikanlah ia, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik Zat yang dapat mensucikannya, Engkaulah yang menguasai dan yang menjaganya. Ya Allah ya Tuhanku! Sesungguhnya aku berindung kepada-Mu dari ilmu yang tidak berguna, hati yang tidak khusyuk, diri yang tidak pernah puas, dan doa yang tidak terkabulkan.*

(Muslim)

HDSS 2.6 mengambil keseluruhan hadis yang sudah dijamakkan lafaznya. Sedangkan HDSS 3.5 pula mengambil separuh kedua daripada hadis untuk disesuaikan kepada penuntut ilmu dengan penggunaan lafaz jamak.

HDSS 3.2 merupakan doa yang dijamakkan daripada hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin al-Harith RA dan 'Abdullah bin Ibn Mas'ud RA kedua-dua sahabat ini berkata bahawa antara doa Rasulullah SAW ialah (Al-Hakim, 1990: 1957)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ، وَالْقَوْرَ بِالْجَنَّةِ، وَالتَّجَاةَ مِنَ النَّارِ.

Maksud: *Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu sesuatu yang mewajibkan datangnya rahmat-Mu dan hal yang menguatkan datangnya ampunan-Mu, bersih dari segala dosa mendapatkan semua kebaikan, kejayaan dengan mendapat tempat dalam syurga dan terhindar daripada api neraka.*

(Al-Hakim)

Sedangkan HDSS 4.2 dan HDSS 5.10 merupakan doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada seorang sahabat. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3521):

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «دَعَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِدُعَاءٍ كَثِيرٍ لَمْ يَحْفَظْ مِنْهُ شَيْئًا». قُلْنَا: «يَا رَسُولَ اللَّهِ دَعَوْتَ بِدُعَاءٍ كَثِيرٍ لَمْ يَحْفَظْ مِنْهُ شَيْئًا». فَقَالَ: «أَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى مَا يَجْمَعُ ذَلِكَ كُلُّهُ». تَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ وَأَنْتَ الْمُسْتَعَانُ، وَعَلَيْكَ الْبَلَاءُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ».

Maksud: Abu Umamah RA berkata, "Rasulullah SAW berdoa dengan doa yang banyak, kami tidak mampu menghafaznya sedikitpun. Lalu kami berkata, "Wahai Rasulullah, "Engkau berdoa dengan doa yang banyak yang kami tidak mampu menghafaznya." Lalu Nabi SAW bersabda, "Hendakkah aku tunjukkan kepada kamu apa yang boleh mengumpulkan doa itu semua. Kamu berdoa dengan doa yang bermaksud, "Ya Allah! kami memohon antara kebaikan apa yang diminta Nabi-Mu Muhammad SAW, dan kami berlindung dari keburukan yang Nabi-Mu Muhammad SAW meminta perlindungan kepadanya. Engkau Tempat meminta pertolongan, dan Engkaulah tempat mengadu, dan tidak ada daya serta kekuatan kecuali kerana pertolongan-Mu).

(Al-Tirmidhi)

HDSS 5.2 pula agar terjauh daripada sifat buruk dan diberikan sifat baik. Doa ini diubahsuai daripada hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 6399; Muslim, t.th.: 2719):

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ بْنِ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ أَبِيهِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، أَنَّهُ كَانَ يَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: «اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي خَطِيئَتِي وَجَهْلِي، وَإِسْرَافِي فِي أَمْرِي، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي جِدِّي وَهَزْلِي، وَخَطِيئِي وَعَمْدِي، وَكُلُّ ذَلِكَ عِنْدِي، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ،

وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ
الْمُؤَخِّرُ، وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Maksud: *Abu Burdah bin Abi Musa al-Ash'ariyy* daripada bapanya RA menceritakan bahawa Nabi SAW berdoa dengan doa ini yang bermaksud, "Ya Allah, ampunilah kesalahan, kebodohan, dan perbuatanku yang terlalu berlebihan dalam urusanku, serta ampunilah kesalahanku yang Engkau lebih mengetahui daripadaku. Ya Allah, ampunilah aku dalam kesungguhanku, kemalasanku, dan ketidak sengajaanku serta kesengajaanku yang semua itu ada pada diriku. Ya Allah, ampunilah aku atas dosa yang lalu, dosa yang mendatang, dosa yang aku samarkan, dosa yang aku perbuat dengan terang-terangan dan dosa yang Engkau lebih mengetahuinya daripada aku, Engkaulah yang mengajukan dan Engkaulah yang menangguhkan, serta Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Terdapat dua potong doa yang menyentuh tentang permohonan agar diberikan kekuatan beribadah. Doa ini yang dikeluarkan oleh Imam Al-Nawawi (1998: 1470, 1489) daripada sumber hadis sepertimana ditunjukkan dalam HDSS 5.5 daripada hadis Muslim (t.th.: 2721):

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: «أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، يَقُولُ: «إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كُلَّهَا بَيْنَ إِصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ، كَقَلْبٍ وَاحِدٍ، يُصَرِّفُهُ حَيْثُ يَشَاءُ» ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «اللَّهُمَّ مُصَرِّفِ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.»

Maksud: 'Abdullah bin 'Amru bin al'As RA berkata, "bahwasanya ia pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya hati semua manusia itu berada di antara dua jari dari sekian jari Allah

Yang Maha Pemurah. Dia akan memalingkan hati manusia menurut kehendak-Nya.” Setelah itu, Rasulullah SAW berdoa yang bermaksud, “Ya Allah Zat yang memalingkan hati! Palingkanlah hati kami kepada ketaatan beribadah kepada-Mu!”

(Muslim)

HDSS 5.5 ini juga datang datang daripada dan hadis Al-Tirmidhi, M. I. (1998: 3522) ini:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُكْثِرُ أَنْ يَقُولَ: «يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ.» فَقُلْتُ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَمَّا بِكَ وَبِمَا جِئْتَ بِهِ فَهَلْ تَخَافُ عَلَيْنَا؟» قَالَ: «نَعَمْ، إِنَّ الْقُلُوبَ بَيْنَ أَصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ يُقَلِّبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ.»

Maksud: Anas RA dia berkata, “Rasulullah SAW terbiasa membaca doa yang bermaksud, “Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu.” Kemudian aku pun bertanya, “Wahai Rasulullah, kami beriman kepadamu dan kepada apa yang kamu bawa. Lalu apakah anda masih bimbang kepada kami?” Baginda menjawab, “Ya, kerana sesungguhnya hati manusia berada di antara dua genggam tangan Allah yang Dia bolak-balikkan menurut yang dikehendaki-Nya.”

(Al-Tirmidhi)

Sedangkan HDSS 5.6 pula datang daripada sumber hadis berikut (Muslim, t.th.: 2720)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي،

وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ.»

Maksud: Abu Hurayrah RA berkata, “Rasulullah SAW berdoa dengan doa yang bermaksud, “Ya Allah ya Tuhanku, perbaikilah bagiku agamaku sebagai benteng urusanku; perbaikilah bagiku duniaku yang menjadi tempat kehidupanku; perbaikilah bagiku akhiratku yang menjadi tempat kembaliku! Jadikanlah ya Allah kehidupan ini mempunyai nilai tambah bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematianku sebagai kebebasanku dari segala kejahatan!”

(Muslim)

HDSS 5.7 merupakan doa yang lengkap untuk keperluan dunia dan akhirat. Keperluan dunia dari segi hidayah untuk pembaikan agama, pembaikan dalam kehidupan dunia, dan panjang umur dalam membuat kebajikan. Manakala pembaikan akhirat terdiri daripada tempat tinggal di alam kubur dan alam akhirat.

HDSS 5.8 adalah doa yang diubahsuai daripada teks hadis asal yang dinyatakan seperti berikut (Al-Bukhari, 2001: 6616; Muslim, t.th.: 2707):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يَتَعَوَّذُ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ.»

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan, “Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah berlindung daripada ujian yang memayahkan, kesialan, takdir buruk, dan cacian musuh (kerana kemalangan diri).

(Al-Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, penulis menambahkan empat perkataan, iaitu *Allahumma inni a'udhubika* (اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ) pada pangkal doa dan menambahkan empat jenis ujian seperti yang dinyatakan. Tujuan penambahan ini supaya menjadi sebarang doa yang ditujukan kepada Allah SWT.

RUMUSAN

Mengambil doa daripada sumber al-Quran dan hadis merupakan cara terbaik dalam berdoa. Namun apa yang lebih penting ketika berdoa dengan doa yang menggunakan lafaz bahasa Arab, pendoanya perlu mengetahui makna doa agar doa yang dipinta benar-benar bermaksud doa. Hanya doa yang difahami makna dan diingat bahawa dia sedang berdoa kepada Allah SWT dengan hajat yang jelas sahaja akan terkabul doa tersebut. Keadaan doa mestilah seperti seseorang sedang meminta pertolongan kepada orang lain dan bukanlah seperti burung kakat tua yang mengajuk-ajuk percakapan manusia, tanpa memahami maknanya dengan sempurna.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Banna, Hasan. t.th. *Al-Ma'thurat*. T.T.P: Asraf Trading SDN BHD.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, Abdullah. 2013. *Sunan al-Darimi - Musnad Al-Darimi*. Nabil Hashim Al-Ghamri (Ed.). Beirut: Dar Al-Basha'ir.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khandahlawi, Muhammad Zakariyya. t.th. *Manzil*. Lahore: Muhammad 'Abd al-Rahim.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1998. *Riyad al-Salihin*. (Tahqiq: Al-Arna'ut, Shu'aib). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)*. Jld. 1. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Manzil: Ayat al-Quran Pelindung Diri Harian*. Skudai Johor: Akademi Tamadun, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Zikir Selepas Solat: Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020a. *Manzil Daily Quranic Verses as Protection for Ourselves*. Skudai, Johor: FSSH, ATI, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020b. *Tablil dan Doa Arwah: Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- adab, 17, 19, 23, 24, 27, 30
Ism Allah al-A'zam, 17, 20, 21
 nama Allah, 24, 25
 pujian, 4, 7, 9, 17, 21, 22, 23,
 24, 30
 selawat, 3, 4, 5, 7, 9, 12, 17, 21,
 22
 salam, v, 3, 5, 8, 10, 12
 tahlil, 21
 tidak jemu, 28
 agama, 14, 36, 43, 44
 amal, 13, 32
 Ma'thurat, 21
 Manzil, 21, 46, 47
 soleh, 3
 ibadah, 7, 17, 19, 21, 30, 31
 solat, v, 1, 3, 4, 19, 20, 21,
 26, 33, 38
 sujud, 19
 Islam, 2, 4, 6, 7, 11, 13, 16, 30,
 31, 33, 35, 38, 39, 47, 53
 ilmu, 8, 9, 10, 36, 39, 40
 iman, 13, 16
 akhirat, 4, 7, 9, 11, 14, 15, 16, 17,
 18, 29, 34, 37, 44
 alam kubur, 16, 44
 azab api neraka, 5
 azab kubur, 7
 neraka, 4, 7, 8, 9, 10, 11, 15, 34,
 40
 siksa kubur, 7, 40
 syurga, 8, 10, 40

Allah, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11,
 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20,
 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28,
 29, 30, 32, 33, 34, 36, 37, 38,
 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45
 Allah SWT, 4, 7, 9, 11, 15, 17,
 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25,
 26, 27, 28, 29, 30, 32, 33,
 34, 36, 37, 45
 Ya Allah, 3, 5, 12, 13, 40, 42,
 43
 al-Ghaffar, 24
 al-Ghafur, 24
 Dha al-Jalal wa al-Ikram, 25
 Maha Agung, 12, 25, 26
 Maha Kuasa, 13, 42
 Maha Lembut, 12, 26
 Maha Pemurah, 12, 26, 43
 Maha Pengampun, 24
 Maha Pengasih, 12
 Maha Suci, 12, 26
 Pemilik 'Arasy, 12
 al-Quran, 1, 2, 20, 21, 31, 32, 35,
 37, 38, 45, 47, 53
 surah
 al-Baqarah, 20, 21, 34, 35,
 37
 al-Furqan, 33
 al-Isra', 32
 Ali 'Imran, 20, 21, 34
 Gafir, 17
 Ibrahim, 32, 33, 35, 36
 Nuh, 35
 Taha, 36
 Yasin, 21
 Yunus, 37
 athar, 20

doa, 1, 2, 4, 5, 7, 9, 10, 11, 16, 17,
18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25,
26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33,
34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41,
42, 43, 44, 45

berdoa, 1, 2, 17, 19, 20, 21, 22, 23,
24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31,
33, 34, 35, 38, 41, 42, 43, 44,
45

aman sentosa, 14, 37

ampunan, 8, 12, 27, 40

dikabulkan, 28, 29

doa keampunan, 3, 5, 6

doa pembuka, 2, 5, 8, 22

doa penutup, 4, 7, 9, 11, 15, 22

jamak, 1, 2, 31, 32, 33, 35, 37, 39,
40

mufrad, 1, 2, 31, 35

mustajab, 20, 21, 31

dunia dan akhirat, 4, 5, 7, 9, 10, 11,
12, 14, 15, 34, 44

hadis, 1, 2, 17, 18, 19, 20, 22, 23,
24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31,
36, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44,
45

HDSS, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10,
11, 12, 13, 14, 15, 16, 22, 24,
26, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37,
38, 39, 40, 41, 42, 43, 44

HDSS 1.1, 2, 4, 22, 24

HDSS 1.2, 3, 24, 32

HDSS 1.3, 3

HDSS 1.4, 3, 33

HDSS 1.5, 3, 24, 33

HDSS 1.6, 4, 34

HDSS 1.7, 4, 34

HDSS 1.8, 2, 4, 22

HDSS 2.1, 5, 7, 22

HDSS 2.2, 5, 34

HDSS 2.3, 6, 38

HDSS 2.4, 6, 35

HDSS 2.5, 6, 39

HDSS 2.6, 6, 39, 40

HDSS 2.7, 7, 34

HDSS 2.8, 5, 7, 22

HDSS 3.1, 8, 9, 22

HDSS 3.2, 8, 40

HDSS 3.3, 8, 36

HDSS 3.4, 9, 32

HDSS 3.5, 9, 39, 40

HDSS 3.6, 9, 34

HDSS 3.7, 8, 9, 22

HDSS 4.1, 10, 11, 22

HDSS 4.2, 10, 40

HDSS 4.3, 10, 11, 34

HDSS 4.4, 10, 11, 22

HDSS 5.1, 11, 12, 22

HDSS 5.10, 15, 40

HDSS 5.12, 11, 15, 22

HDSS 5.2, 12, 26, 41

HDSS 5.3, 13

HDSS 5.4, 13, 32

HDSS 5.5, 13, 42, 43

HDSS 5.6, 14, 43

HDSS 5.7, 14, 36, 44

HDSS 5.8, 14, 37, 44

HDSS 5.9, 15

himpunan doa selepas solat, 1,
2, 5, 7, 11

hidayah, 4, 6, 7, 16, 38, 44

anak, 2, 3, 4, 5, 28, 31, 33

hati, 3, 4, 9, 10, 12, 13, 14, 27,
33, 34, 40, 42, 43

ibu bapa, 4, 5, 7, 9, 10, 13, 16,
31, 32, 34

pertunjuk, 3, 4, 7, 30

isteri, 2, 3, 4, 33

zuriat, 4, 6, 7, 33, 35

kebaikan, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12,
14, 15, 34, 27, 36, 40, 41, 44
afaf, 3
ilham, 6
kaya jiwa, 4
keampunan, 4, 7, 8, 9, 13, 16,
24, 31, 34
kebijaksanaan, 6, 7
kefahaman, 8, 10, 36
negeri, 14, 37
buah-buahan, 14, 37
kejayaan, 8, 10, 40
kesejahteraan, 12, 16
keselamatan, 8, 12, 27
khusus, 9, 10, 40
pembaikan, 14, 16, 44
penyejuk mata, 4
qana'ah, 3, 38
rahmat, 3, 4, 6, 7, 8, 9, 12, 13,
14, 26, 32, 34, 37, 40
takwa, 3, 4
taubat, 6, 7, 35
kehidupan, 5, 7, 14, 16, 17, 44
afiat, 6, 7
keperluan, 11, 12, 24, 25, 27,
31, 44
rezeki, 6, 7, 14, 37
ujian, 15, 44, 45

Muhammad, 3, 4, 5, 7, 9, 10, 11,
12, 15, 23, 26, 41, 46, 47
Baginda SAW, 18, 19
Muhammad SAW, 10, 15, 23, 26,
41
Rasulullah SAW, 1, 18, 19, 22, 23,
26, 28, 29, 30, 40, 41, 42, 43,
44, 46
Nabi, 3, 5, 10, 11, 12, 15, 20, 22,
23, 24, 25, 26, 27, 28, 30, 33,
35, 36, 37, 38, 39, 41, 42

Nabi SAW, 20
Mukmin, 3, 13, 34
Muslim, v, 1, 3, 6, 7, 13, 18, 19, 24,
25, 27, 28, 29, 30, 36, 38, 39,
40, 41, 42, 43, 44, 47, 53
umat Islam, 4, 6, 35

perkara keji, 9
berlebihan, 13, 42
dosa, 4, 8, 9, 10, 12, 13, 18, 27,
30, 38, 40, 42
fitnah, 7, 14, 37
ganas, 14
hutang, 7
kafir, 7, 14, 37
kebodohan, 13, 42
kedekut, 7
kegundahan, 12, 27
kejahatan, 6, 14, 39, 44
kematian, 7
kelemahan, 7, 40
kemalasan, 7, 13, 40
kesalahan, 13, 42
kesialan, 15, 44
musuh, 7, 14, 15, 16, 44
nafsu, 10
nyanyuk, 7
rasa takut, 7
sifat keji, 6
sombong, 17, 19
takdir buruk, 15, 44
zalim, 5, 14, 35, 37

riwayat
Abu Dawud, 20
Ahmad, 17, 18, 27, 29, 30, 46
Al-Bukhari, 24, 25, 28, 29, 36,
41, 42, 44, 46
Al-Darimi, 21
Al-Hakim, 40, 46

Al-Nasa'i, 22, 26, 27, 46
 Al-Tirmidhi, 1, 18, 19, 20, 25,
 26, 27, 31, 39, 40, 41, 43, 46
 Ibn Majah, 20, 23, 24, 47

sahabat

'Abdullah bin 'Amru bin al-'As
 RA, 42
 'Abdullah bin 'Umar RA, 23
 'Abdullah bin al-Harith RA, 40
 'Abdullah bin Ibn Mas'ud RA,
 40
 'Imran bin Husain RA, 39
 'Ubadah bin al-Samit RA, 18
 Abdullah bin Abi 'Awfa RA, 26
 Abdullah RA, 21, 38
 Abu 'Umamah RA, 19, 41
 Abu Burdah bin Abi Musa al-
 Ash'ariyy, 42

Abu Hurayrah RA, 19, 28, 29,
 44

Abu Malik al-Ashja'i, 38
 Abu Sa'id al-Khudri RA, 18
 Anas RA, 25, 43
 Fadhlah bin 'Ubaid RA, 22
 Humayd bin 'Abd al-Rahman
 RA, 36

Ibn 'Abbas RA, 25
 Jabir RA, 28
 Zayd bin Arqam RA, 40

sahabiyah

Asma' bint Yazid RA, 20

Tuhan, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11,
 12, 14, 15, 24, 25, 26, 32, 33,
 34, 35, 37
 Tuhan semesta Alam, 12, 26
Ya Tuhan, 3, 5, 12

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) dan *Perspektif Baru dalam Pengkaedahan Akidah Islam di Malaysia* (2019) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.


Siri Buku Amalan Harian
SIRI 6
HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT
WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH

Himpunan Doa Selepas Solat Warid daripada al-Quran dan Sunah Siri 6. Siri Buku Amalan Harian merupakan siri ke-6 buku yang dikeluarkan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk tujuan dijadikan amalan harian yang sangat berguna bagi umat Islam. Kajian dilakukan untuk menghimpunkan lima himpunan doa yang terdiri daripada himpunan doa yang pendek, himpunan doa yang sederhana pendek, himpunan doa yang sederhana panjang, dan himpunan doa yang panjang. Semua doa himpunan cadangan merupakan set lengkap doa yang didatangkan daripada sumber al-Quran dan hadis. Set doa ini sama ada dikekalkan lafaznya, diubah suai menjadi doa, atau digabung jalinan dengan doa tambahan daripada bukan sumber tanzil. Tujuan gabung jalinan agar maksudnya lebih menyuruh untuk kebaikan diri, keluarga, dan umat Islam sama ada yang masih hidup atau yang sudah meninggal dunia. Semua set doa ini merupakan doa yang seimbang untuk keperluan dunia dan akhirat untuk dipohonkan kepada Allah SWT sebaik sahaja selesai melaksanakan solat. Perbincangan dalam buku ini juga difokuskan kepada tatacara adab berdoa, dan hujah sumber doa cadangan dengan dalil doa daripada al-Quran dan hadis.

Buku ini diharap dapat dimanfaatkan oleh umat Islam sebagai panduan untuk berdoa selepas selesai setiap kali solat agar manfaat rohani dan jasmani umat Islam dapat dibangunkan. Hal ini kerana, doa merupakan antara aspek terpenting bagi setiap ibadah agar hubungan antara para hamba yang mempunyai banyak kekurangan dapat dipohon untuk diperkenankan oleh Allah SWT bagi menyempurnakan kekurangan tersebut. Selain bertujuan agar umat Islam sentiasa dalam pertunjuk-Nya untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.



eISBN 978-967-2401-20-9



9 789672 401209